


1 - 15 FEBRUARI, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Unit Upcycle MBSP obses dengan kreativiti

**UPCYCLE** Park bersebelahan Menara Bandaraya Seberang Perai dekat Bandar Perda sehingga kini masih menjadi salah satu mercu tanda kreativiti pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menukar barang kitar semula menjadi sesuatu bernilai guna baharu *(upcycle)*.

Dirasmikan pada 10 Mac 2018, taman rekreasi awam tersebut kemudian mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai Taman *Upcycle* Pertama Dalam Negara.

Bukan itu sahaja, hasil tangan *'upcycle'* seperti replika motosikal, binatang dan set kerusi meja tamu yang terdapat di Upcycle Park Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tersebut turut boleh didapati di sekolah, premis perniagaan, pejabat, agensi kerajaan dan sebagainya.

Barang-barang *'upcycle'* jenama MBSP diakui mendapat permintaan khalayak, terutama mereka yang obses dengan kreativiti serta mencari kelainan dalam soal dekorasi kawasan lapang.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berpeluang ke Unit Upcycle MBSP dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bertam untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai perkara tersebut.

Pembantu Kesihatan Awam Kanan MBSP, **MOHD. SABRI MOHD. SIDEK**, 57, memberitahu bahawa Unit Upcycle MBSP dekat Bertam mula beroperasi sejak Mei 2022.



MOHD. Sabri Mohd. Sidek.

Menurut beliau, di bengkel tersebut, kerja-kerja pertukangan, gumpalan dan tempaan barang *upcycle* yang asalnya daripada tayar terpakai, sisa kayu, besi terbuang dan sebagainya dikumpulkan untuk menghasilkan sesuatu yang baharu.

"Sebelum itu, barang-barang *'upcycle'* dihasilkan di Depoh Operasi Pembersihan MBSP kerana di sanalah kerja-kerja pengumpulan barang kitar semula dilakukan.

"Pada tahun 2021, Wira Oren yang dikenal pasti mempunyai bakat dalam menghasilkan barang *'upcycle'* dihimpunkan di bawah satu bumbung iaitu besebelahan dengan Pusat Pelupusan Ampang Jajar dekat Seberang Jaya dan Unit Upcycle MBSP yang kemudiannya berpindah ke Bertam pada tahun lepas (2022)," jelasnya.

Di samping itu, Mohd. Sabri memberitahu bahawa Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad dan Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBSP, Ahmad Zabri Mohamed Sarajudin merupakan antara pihak yang banyak memberi sokongan sehingga wujudnya bengkel pembuatan dengan pelbagai kemudahan di Unit Upcycle MBSP, Bertam.

"Kalau termasuk saya sendiri, kini Unit Upcycle MBSP Bertam mempunyai 36 kakitangan, yang mana masing-masing memang mempunyai peranan khusus dalam menghasilkan barang *'upcycle'* tertentu sama ada daripada sisa kayu, besi, tayar terpakai dan sebagainya," ujarnya.

Mesra dipanggil 'Abang Man', **SUPARMAN HASHIM**, 47, menyatakan bahawa beliau secara peribadi bangga kerana diserapkan dalam Unit Upcycle MBSP, Bertam.

Beliau diberikan peranan khusus untuk melukis, mencorak dan mewarna barang-barang *'upcycle'* agar kian menarik.

"Sebenarnya saya memang suka kerja-kerja kreatif sebegini, waktu sekolah dahulu saya memang dapat Pangkat 1 bagi subjek lukisan.

"Selepas bersara tentera dengan pencen, saya bekerja di Jabatan Perkhidmatan Pembersihan MBSP dulu, kemudiannya baru saya diserap ke Unit (Upcycle MBSP) ini… mungkin selepas pihak atasan melihat hasil kerja tangan saya di Depoh Pembersihan MBSP Ampang Jajar dulu," ulasnya dalam nada sederhana.

*(Sambungan di muka 2).*



REPLIKA badak sumbu yang merupakan produk terbaru pasukan Unit Upcycle MBSP.

(*Sambungan dari muka 1*).

# Sasar replika binatang besar, jana tarikan pelancong

Bercerita lanjut, Suparman memberitahu bahawa kerja-kerja *'upcycle'* adalah sesuatu kefahaman yang baharu bagi dirinya.

"Saya tahu melukis, mencanting, mewarna dan mencorak, tetapi sejujurnya *'upcycle'* adalah satu perkara yang baharu bagi saya," katanya lagi sambil menzahirkan rasa bangga apabila barang-barang *'upcycle'* dengan jenama MBSP mendapat pujian daripada orang awam dan pelanggan.

Selain itu, Suparman berpendapat bahawa MBSP adalah sebuah organisasi yang sangat menghargai kreativiti kakitangan bawahan termasuk mereka yang bergelar 'Wira Oren'.

"Apabila lukisan mural saya boleh dilihat di Taman Tunku, simpang-simpang jalan dekat Taman Siakap, (dekat) Flat Amna dan jalan masuk ke taman perumahan bersebelahan Hospital Seberang Jaya, selain rasa bangga, saya boleh katakan bahawa MBSP sangat hargai kreativiti kakitangannya," jelasnya.

Nada hampir sama turut dikongsikan oleh seorang lagi 'Wira Oren', **AZHAR ISMAIL**, 56, yang telah berkhidmat dengan MBSP sejak 15 tahun lepas.

"Sebelum diserap masuk ke Unit Upcycle MBSP, saya berkhidmat selama empat tahun juga di stor dekat Taman Sembilang, Seberang Jaya.

"Selama hampir dua tahun di Unit Upcycle MBSP, saya diberi tanggungjawab menghasilkan barang *'upcycle'* daripada tayar terpakai.

"Contoh yang biasa saya hasilkan adalah set meja makan lengkap dengan empat buah kerusi yang mana proses membuat struktur fizikal perabot dan sebagainya mengambil masa hampir seminggu.

"Mencorak dan mengecat merupakan proses yang paling rumit untuk menghasilkan barang *'upcycle'* dengan kualiti premium.

"Sehingga kini, saya sendiri masih 'belajar' dengan menonton *YouTube* di samping *'trial and error'*," ujarnya.

Sepanjang tahun 2023, Azhar memberitahu bahawa beliau berjaya menghasilkan 20 set perabot meja kerusi tamu *'upcycle'* bagi memenuhi permintaan pelanggan MBSP.

Bagi mereka yang pernah menjejakkan kaki di bengkel ini, memang berpeluang melihat pelbagai lagi barangan *'upcycle'* bermutu premium dengan harga berpatutan.



SUPARMAN Hashim.

"Bermula dari aksesori hiasan dalam rumah sehingga perabot unit memang boleh dibeli secara langsung atau ditempah di sini,'' ulasnya lanjut.

Mandor Kanan MBSP, **AZIZUL ABDUL RAHIM**, 39, memberitahu bahawa dalam jerayawara serta kempen *'upcycle'* yang dianjurkan di sekolah, universiti awam atau institusi pengajian tinggi, ekspo-ekspo anjuran kementerian serta pameran agensi kerajaan menyaksikan replika binatang atau kenderaan jenis motosikal paling mendapat perhatian khalayak.

"Macam baru-baru ini, Unit Upcycle MBSP menyertai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Permatang Pauh pada 8 hingga 10 Disember (2023), hasil jualan kasar di gerai pameran sahaja adalah melebihi RM150.

"Tujuan kita menyertai pameran sebegitu adalah untuk mempromosi barang *'upcycle'* dengan jenama MBSP, dan ternyata strategi ini berjaya menggamit minat para peminat barang-barang unik ke Unit Upcycle MBSP, Bertam.

"Mereka, sama ada wakil kementerian atau agensi kerajaan dan PBT dari seluruh negara termasuk wakil dari Portugal juga pernah mengadakan lawatan ke sini.

"Lazimnya, mereka yang berkunjung ke sini dengan dua tujuan, sama ada untuk melihat dan belajar bagaimana kita (Unit Upcycle MBSP) menghasilkan barang yang mempunyai nilai guna baharu dengan menggunakan barang kitar semula atau membeli dan menempah barang-barang *'upcycle'* tertentu," katanya.



AZHAR Ismail.



DUA Wira Oren MBSP sedang menyiapkan barang *'upcycle'* berupa rak kasut yang ditempah oleh pelanggan.



AZIZUL Abdul Rahim.

Tambah beliau, rak kasut, perabot, dapur bakar ayam, kerusi rehat, set kerusi meja tamu merupakan antara barang *'upcycle'* yang mendapat permintaan tinggi, sehingga ada yang sanggup membuat tempahan secara langsung dengan menghubungi nombor telefon 012-437 5135.

"Maklum balas daripada pelanggan kali pertama atau pelanggan setia, rata-rata memberitahu bahawa barangan *'upcycle'* yang dihasilkan di sini bukan sahaja mempunyai nilai guna serta unik, malah jauh lebih murah berbanding yang setara di pasaran," jelasnya.

Walaupun barangan *'upcycle'* yang dihasilkan di bengkel tersebut mempunyai nilai komersial, bagi Azizul sendiri, beliau mahu Unit Upcycle MBSP, Bertam terus memainkan peranan hakiki iaitu menggerakkan kesedaran komuniti.

"Kita tidak pernah mengabaikan peranan hakiki kita, maka sebab itu kita terus berusaha menggerakkan kesedaran komuniti berhubung kepentingan amalan pengasingan sisa di punca, amalan kitar semula dan *'upcycle'* dengan menyertai pameran dan pertandingan berkaitan sama ada di Pulau Pinang atau di luar negeri ini, jika ada peluang.

"Bagi tahun 2023 sahaja, Unit Upcycle MBSP, Bertam berjaya menganjurkan 55 program pameran, antaranya sempena penganjuran *Car Free Morning MBSP*, *Car Free Day* Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tidak termasuk bengkel serta pameran kita bersama-sama pihak sekolah, universiti, agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbir MBSP yang banyak memberi sokongan kepada Unit Upcycle MBSP, Bertam.

Dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada pihak atasan PBT, Azizul menambah bahawa inisiatif Unit Upcycle MBSP mengubah tapak pembuangan sampah haram berhampiran kawasan rekreasi awam Taman Tunku Seberang Jaya menjadi '*Sudut Upcycle*' telah dipilih sebagai Naib Johan Pertandingan Innovations Blast Tahun 2023 (Kategori Bukan ICT) anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mengakhiri wawancara, Azizul menyatakan bahawa Unit Upcycle MBSP, Bertam menyasarkan untuk menghasilkan beberapa replika binatang besar yang jarang ditemukan pada tahun 2024, bagi tujuan menjana daya tarikan pelancongan ke Seberang Perai sebagaimana dihasratkan peringkat PBT berkenaan.

"Setakat ini, kita telah menyiapkan sebuah replika besar badak sumbu seberat kira-kira satu tan matrik dengan menggunakan 300 tayar terpakai, tong dram, plastik dan besi.

"Pada tahun 2024, Unit Upcycle MBSP, Bertam menyasarkan untuk membina beberapa lagi replika besar iaitu binatang-binatang yang hampir pupus atau jarang ditemukan seperti harimau kumbang, seladang, tapir, burung unta dan sebagainya," katanya.

# Tambah stesen pengecas motosikal elektrik percuma

**KERAJAAN** Pulau Pinang kini dalam proses menambah lebih banyak stesen pengecas motosikal elektrik percuma di Seberang Perai.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa inisiatif hijau tersebut akan membantu menggalakkan penggunaan kenderaan sifar pelepasan karbon selain meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Apa yang lebih penting ialah inisiatif ini juga dapat membantu meningkatkan kebajikan bagi golongan berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) yang terlibat secara aktif dalam sektor penghantaran di Seberang Perai.

"Di bahagian pulau pula, Kerajaan Negeri melalui kerjasama *Penang Green Council* (PGC) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berjaya memasang stesen pengecas motosikal elektrik percuma di sembilan lokasi berbeza," katanya pada majlis pelancaran stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) *Mini Cooper* dekat Machang Bubok baru-baru ini.

Pada kesempatan sama, wartawan Buletin Mutiara **SUNARTI YUSOFF** turut mendapatkan pandangan masyarakat mengenai inisiatif memperbanyakkan lagi pemasangan stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) di negeri ini.



MOHAMAD Zainuddin.

Bagi jurutera, **MOHAMAD ZAINUDDIN**, 45, inisiatif memasang lebih banyak pengecas EV sangat tepat pada masanya memandangkan kebanyakan negara termasuk Malaysia kini sedang bergerak ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap.

"Baru-baru ini, kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara 2023 yang menyasarkan penggunaan EV sebanyak 38 peratus menjelang 2040 dan 80 peratus pada 2050.

"Bagi saya, pelan hala tuju ini akan berjaya sekiranya kerajaan memberi penekanan kepada aspek ketersediaan infrastruktur pengecasan EV dalam transformasi sektor automotif negara.

"Apa yang dihadapi oleh rakyat kebanyakan ketika ini adalah bilangan stesen pengecas EV untuk orang awam terlalu sedikit yang mana ini sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat untuk memiliki kenderaan jenis ini.

"Oleh itu, inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambah lebih banyak stesen pengecas kenderaan elektrik sangat tepat pada masanya dan langkah ini juga secara tidak langsung dapat menyokong pelan peralihan tenaga negara," katanya ketika ditemui.



WAN Nor Ruzila Wan Zulkifli.

Inisiatif pemasangan stesen pengecas EV turut disambut baik oleh pengurus restoran makanan segera, **WAN NOR RUZILA WAN ZULKIFLI**, 38, yang bependapat bahawa penggunaan kenderaan kini semakin beralih kepada EV yang dilihat lebih cekap dari segi penggunaan tenaga.

Namun menurut beliau, isu ketersediaan stesen pengecas awam masih lagi menjadi cabaran terbesar pemilik EV pada masa ini terutamanya di kawasan luar bandar.

"Ini kerana sebahagian besar stesen pengecas awam terletak di kawasan bandar, sekali gus menjadi penghalang kepada inisiatif untuk menggalakkan penggunaan EV dalam kalangan rakyat negara ini.

"Jadi, proses menambah lebih banyak stesen pengecas motosikal elektrik percuma di negeri ini wajar disambut baik dan kalau boleh pihak swasta juga perlu mengambil langkah yang sama bagi membantu ke arah meningkatkan penggunaan EV di negeri ini.

"Dari segi penggunaan EV dan pengembangannya, kerajaan boleh membantu dengan menawarkan insentif kepada pengendali stesen pengecas swasta bagi merangsang pembinaan stesen termasuk di kawasan luar bandar.

"Ini kerana pada masa akan datang, penggunaan EV dijangka lebih meluas dan sudah pastinya stesen pengecas akan menjadi satu keperluan yang amat penting," ujarnya.




ZAIRIL Khir Johari semasa menyempurnakan majlis pelancaran stesen pengecas EV Mini Cooper dekat Machang Bubok baru-baru ini.

Dalam pada itu, bagi **NOOR IDAYU MAZLAN**, 35, yang merupakan seorang guru menyatakan bahawa berikutan lebih banyak kenderaan elektrik didaftarkan di negara ini maka ada keperluan untuk mewujudkan lebih banyak stesen pengecas EV.

"Justeru, pemasangan lebih banyak stesen pengecas EV adalah satu aspek yang perlu diberikan tumpuan utama oleh pihak kerajaan dalam usaha memperluas ekosistem kenderaan elektrik di negara ini.

"Langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memasang lebih banyak stesen motosikal elektrik secara percuma dilihat sebagai langkah awal dalam menggalakkan penggunaan EV di negeri ini.



NOOR Idayu Mazlan.

"Ini penting dalam usaha melawan pembentukan jejak karbon oleh kenderaan bermotor yang menyumbang kepada masalah pemanasan global selain selaras dengan visi Pulau Pinang untuk mencapai status negeri hijau," ulasnya.



# Kekal tempat pertama pengeluaran pukal tahunan padi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SEBERANG JAYA -** Pulau Pinang menyumbang RM1.18 bilion melalui sektor perikanan bagi negeri ini bagi tahun 2022 termasuk hasil akuakultur berjumlah RM681.2 juta (tertinggi dalam negara).

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, dalam merancakkan lagi perkembangan tersebut, Kerajaan Negeri telah menyalurkan RM1 juta kepada Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang dalam merancakkan industri kerang di negeri ini.

"Dalam pada itu, penternakan kerang boleh membantu untuk mempelbagaikan sumber protein dan pengeluaran makanan di negeri ini, dan pada masa sama boleh dijadikan sebagai sumber protein alternatif bagi menggantikan ikan serta daging kepada para pengguna.

"Pengeluaran kerang di Pulau Pinang sehingga bulan September tahun ini adalah sebanyak 130.63 metrik tan dengan nilai pengeluaran (harga borong) dianggarkan sebanyak RM1.3 juta.

"Pada masa kini, terdapat seramai 141 peserta penternak kerang bagi Fasa 1 dengan keluasan 1,050 hektar di Seberang Perai, Pulau Pinang," ujarnya pada Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Pulau Pinang & Ekspo Agro Buddies Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2023 di sini 9 Disember 2023.

Hadir sama, Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, K. Kumaran; Pengarah Pertanian Negeri; Mohd. Muhaimin Ibrahim dan Rektor UiTM Pulau Pinang, Prof. Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali.



**KETUA Menteri terpegun melihat baka kacukan 'lembu sado' bersempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Pulau Pinang & Ekspo Agro Buddies UiTM 2023 di sini baru-baru ini.**



**PELAWAT-pelawat cilik yang terpegun melihat anak-anak ayam berwarna-warni yang dipamerkan.**

Dalam memperkasakan sektor pertanian, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM6.93 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri bagi tujuan pembangunan sektor agromakanan meliputi 16 projek dan program pembangunan pertanian.

"Sebagaimana ditekankan di dalam pembentangan Belanjawan 2024, pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, TKPM Mayfield, Taman Agro Batu Kawan (Juru) dan Taman Pertanian (Agropark) Permatang Pauh merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu ke arah memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

"Penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian pada masa kini perlu diketengahkan, untuk itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan dua program, Program Petani Pelapis dan Program Tabung Usahawan Tani dalam memperkasakan peranan belia negeri ini dalam sektor pertanian di negeri ini.

"Sektor penanaman padi tidak ketinggalan apabila menjana hasil sebanyak RM190.8 juta pada 2022 dan lebih membanggakan, Pulau Pinang mengekalkan tempat pertama bagi pengeluaran pukal tahunan walaupun negeri kecil ini tidak bergelar sebagai 'negeri jelapang padi', katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan turut mengumumkan peruntukan RM4.6 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada tahun 2024 untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pengeluaran ternakan demi membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi di negeri ini.

## Penjaja, komuniti peniaga disaran tingkatkan aspek kebersihan dan keselamatan makanan

**GEORGE TOWN –** Penjaja dan komuniti peniaga di negeri ini disarankan untuk meningkatkan lagi tahap kebersihan serta keselamatan makanan.

Perkara itu ditekankan oleh pengerusi penganjur yang juga Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Koay Gaik Kee ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Penjaja Dan Komuniti Peniaga Tahun 2023 dekat Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama di sini 16 Disember lalu.

Beliau juga berkata bahawa MBPP sentiasa menjalankan pemeriksaan dan melaksanakan penggredan premis makanan dan gerai penjaja di dalam kompleks seliaan pihak Majlis dari semasa ke semasa.

"Kebersihan dan keselamatan makanan adalah penting untuk memastikan aktiviti penjaja dan komuniti peniaga dapat menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi negeri," katanya.

Pada majlis tersebut, MBPP turut mengumumkan 49 pemenang bagi lima kategori perniagaan melibatkan Restoran, Restoran Makanan Segera, Kedai Makan/ Kedai Kopi, Restoran Hotel dan Restoran Nasi Kandar.

Gaik Kee menyatakan bahawa proses penggredan tersebut bermula pada Januari tahun ini dengan menilai beberapa faktor seperti kebersihan, pengendali dan peralatan makanan, keselamatan gerai, suntikan tifoid yang masih aktif serta keceriaan di gerai.

Difahamkan, sebanyak 700 premis telah dibuat penilaian penggredan dengan 633 gerai dinilai untuk gerai terbaik dalam 21 Kompleks Makanan MBPP.

Selain itu, MBPP mengiktiraf tiga daripada 27 penganjur pasar malam yang telah menguruskan pasar malam dengan cemerlang, antaranya mengekalkan pembayaran bulanan tepat pada masanya, tiada aduan sepanjang tahun yang dinilai, susun atur pasar malam yang teratur dan kemas.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar dan Desa, Jason H'ng Mooi Lye yang merasmikan majlis tersebut menekankan tujuan program itu adalah untuk mengiktiraf sumbangan penjaja dan peniaga kepada pembangunan ekonomi tempatan.

"Saya percaya majlis pengiktirafan ini dapat memberi suntikan semangat kepada usaha golongan penjaja dan komuniti peniaga untuk terus menawarkan beraneka juadah makanan.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa penawaran makanan yang sedap di negeri ini menarik kemasukan pelancong dari dalam mahupun luar negara.

"Kebanyakan daripada pelancong yang datang bukan sahaja untuk melihat keindahan Pulau Pinang tetapi turut menikmati makanan sehingga negeri ini digelar 'syurga makanan'.

"Ini secara tidak langsung, penjaja dan komuniti peniaga ini sebenarnya telah menyumbang kepada salah satu sektor ekonomi mikro yang menjana pembangunan ekonomi negeri di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

Sejajar dengan visi Penang2030, Mooi Lye menegaskan bahawa MBPP akan terus memberikan tumpuan dan perhatian dalam memastikan Pulau Pinang yang bersih, hijau, sihat dan selamat berada di landasan yang betul.

Katanya, bagi mencapai hasrat tersebut, Kerajaan Negeri terus menaik taraf kemudahan pasar-pasar awam dengan sebanyak tujuh projek kompleks pasar dan tapak penjaja telah dinaik taraf serta satu projek akan dibina pada tahun ini.

"MBPP akan menjalankan aktiviti penilaian premis makanan setiap tahun dan pada tahun ini, pencapaian Gred A dan Gred B premis makanan adalah sebanyak 93.8 peratus, melepasi sasaran yang ditetapkan adalah pada kadar 90 peratus.

"Tambahan pula, sebanyak tujuh buah pasar daripada jumlah keseluruhan 29 pasar telah menerima Gred A pada tahun ini.

# Program pengembangan akar umbi pada tahap sangat baik - Jannatul Firdaus



JANNATUL Firdaus Idris (tiga dari kanan) bersama-sama barisan jurulatih ATSPU2 yang lain.



AKSI-aksi yang ditonjolkan.

**B**ARU ditubuhkan pada 2022, siapa sangka Akademi Tunas Seberang Perai Utara 2 (ATSPU2) pada September 2023 menjuarai Kejohanan Bola Sepak Yakult Global Cup Bawah 12 Tahun (B-12) yang berlangsung di negeri Kedah Darul Aman.

Pada bulan Oktober 2023, ATSPU2 muncul sebagai juara Kejohanan Bola Sepak Yakult Global Cup Bawah 12 tahun (B-12) Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Serimas Sportplex, Nilai, Negeri Sembilan.

"Walaupun baru ditubuhkan, saya lihat barisan pemain adalah terbaik, berbakat dan telah mencapai beberapa kejuaraan bola sepak.

"Di samping itu, saya melihat barisan jurulatih juga bertungkus-lumus dalam meningkatkan aspek teknikal, fizikal pemain dan corak permainan semasa perlawanan.

"Dalam ATSPU2 ini, ada tiga pemain Malaysia termasuk ketua pasukan sendiri iaitu Anas Sufiyan Mohd. Arif, 12, yang mana mereka sebelum ini pernah mewakili negara ke *Garuda International Cup*.

"Pada pendapat saya, program pengembangan akar umbi bola sepak di negeri Pulau Pinang ini berada pada tahap yang sangat baik, dengan kewujudan kelab bola sepak yang banyak, kewujudan Akademi Tunas NFDP (Program Pembangunan Bola Sepak Negara).

"Dan, paling penting adalah sokongan yang tidak berbelah-bahagi dari waris serta ibu bapa para pemain sendiri," jelas Ketua Jurulatih ATSPU2, **JANNATUL FIRDAUS IDRIS**, 38, kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Jannatul Firdaus memberitahu wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** bahawa beliau merupakan seorang guru bertauliah, baru dua tahun dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Bertam Perdana, Kepala Batas di sini yang mana antara lain adalah untuk memajukan ATSPU2.

Tambahnya, sejak tahun 2015, beliau sudah terlibat sebagai jurulatih berlesen untuk program Akademi Tunas di bawah 'payung' NFDP ini.

*(Sambungan di muka 6).*



(Sambungan dari muka 6).

# Pemain terbaik, berbakat

"Sebenarnya, perjalanan awal ATSPU2 ini mendapat sokongan pelbagai pihak antaranya daripada mantan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang diterajui Pengarah, Harry Chai Heng Hua.

Menyambung bicarawara, Jannatul Firdaus menyatakan bahawa beliau bangga apabila sekalian pelatih di bawah bimbingan ATSPU2 berpeluang mewakili Malaysia ke Grand Final Festival Bola Sepak Asia yang pada kali ini di Vietnam.

"Bergelar kejuaraan pada peringkat kebangsaan itu membolehkan Akademi Tunas SPU2 mewakili Malaysia ke Grand Final Festival Bola Sepak Asia yang diadakan di Vietnam selama tiga hari (baru-baru ini)," ujarnya.

Difahamkan, baru-baru ini skuad ATSPU2 di bawah program NFDP beraksi lincah pada peringkat kumpulan apabila memenangi tiga saingan awal.



SESI latihan yang dijalankan.



PASUKAN Akademi Tunas Seberang Perai Utara 2 (ATSPU2).

ATSPU2 berjaya menewaskan pasukan pilihan dari Korea Selatan 1-0, Seoul Korea Selatan 2-1 dan Hong Kong Easter 7-0.

Pasukan 10 pemain itu dibimbing oleh jurulatih Amir Shahrul dan Jannatul Firdaus kemudiannya berjaya membenamkan pasukan pilihan dari Korea Selatan, 4-1 semasa saingan separuh akhir kejohanan.

Akhir perlawanan, ATSPU2 melengkapkan rekod kemenangan 1-0 semasa menentang 'kelab jaguh' Nonthaburi dari Thailand, sebelum muncul sebagai juara Festival Bola Sepak Asia yang mempertandingkan empat kategori anjuran Persatuan Bola Sepak Remaja Korea Selatan.

Tahniah!


RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH - FASA 3 (BLOK C)




KEDAI TERTUTUP (LOCK-UP SHOP)
Keluasan Binaan : 57 mps (Min) - 57 mps (Max)
Harga Jualan : RM246,000.00 (Min) - RM256,000.00 (Max)
Bilangan Unit : 23 Unit

Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: MBSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-75/84
Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2026

HAKMILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

# ‘Mohicanz Exotic’, daripada koleksi kepada sebuah zoo mini



MOHD. Redzuan Abdullah Zawawi atau lebih dikenali sebagai ‘Abe’ menunjukkan burung Macau belaannya.

**MULA** hanya sekadar hobi membela haiwan eksotik, kini **MOHD. REDZUAN ABDULLAH ZAWAWI**, 39, atau lebih mesra disapa sebagai ‘Abe’ mempunyai lebih 40 haiwan pelbagai spesies di premisnya dekat Balik Pulau.

Abe sememangnya amat menggemari haiwan eksotik sebelum bekerja sendiri lagi dan mula membela ular sawa batik secara suka-suka sehinggakan koleksinya kini bertukar menjadi seperti sebuah zoo mini.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berkesempatan menemu bual beliau untuk mengetahui lebih lanjut mengenai *‘Mohicanz Exotic’*.



RAKUN yang mencuri tumpuan.

## Latar belakang

Anak kelahiran Kelantan itu dahulunya bekerja sebagai penjawat awam selama 10 tahun sebelum lebih serius dengan hobi membela haiwan eksotik.

“Sebelum lebih serius dengan hobi, saya merupakan seorang penjawat awam, akan tetapi dek berhajat ingin membesarkan hobi, saya memilih untuk bekerja sendiri.

“Pada awalnya, premis saya ini dikenali dengan 'Rumah Ular Cik Kiah' sebelum bertukar ke nama baharu iaitu *‘Mohicanz Exotic’*, ramai juga keliru dengan nama 'Cik Kiah' walhal itu nama ibu salah seekor ular sawa batik belaan saya,” selorohnya semasa sesi wawancara khas pada 12 Disember 2023.

Selain itu, Abe turut berkongsi bahawa beliau dahulu hanya membela haiwan di rumah, akan tetapi kerana proses tumbesaran (haiwan) belaan yang lebih produktif, maka Abe perlu sediakan tempat yang lebih bersesuaian.

“Saya mula membela ular sawa batik yang kini secara keseluruhannya 10 ekor, sewaktu (ular) bersaiz kecil masih muat untuk dibela dalam rumah, lama kelamaan semakin membesar saya perlu sediakan ruang yang lebih besar dan selamat.

“Belum cukup dengan ular, saya cuba bela haiwan lain pula sehingga kini mencecah lebih 40 ekor melibatkan kira-kira 13 spesies haiwan.

“Saya turut menyewa tanah di kawasan ini bagi memuatkan kesemua haiwan belaan saya di samping menjadikan premis ini sebagai sebuah zoo mini di Balik Pulau,” jelasnya sambil memaklumkan bahawa premis berkenaan dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) sebagai langkah keselamatan.

## Kafe haiwan eksotik

Dalam pada itu, Abe turut menyatakan hasratnya untuk membuka sebuah kafe haiwan eksotik kerana belum wujud lagi idea berkenaan di sini.

“Pada masa kini, saya sedang mengusahakan sendiri bahagian untuk dijadikan kafe, pengunjung boleh datang menikmati minuman sambil ditemani haiwan-haiwan di sini.

“Setahu saya, belum ada lagi idea sebegini dilakukan di kawasan sekitar sini dan diharapkan idea ini bakal menarik pengunjung bukan sahaja di kawasan sekitar malahan juga serata negeri.

“’*Mohicanz Exotic’* juga tidak sukar untuk dijumpai kerana rata-rata pengunjung cari menggunakan aplikasi peta di telefon pintar,” tambahnya.

Abe turut menyatakan beliau tidak meletakkan sebarang caj masuk bagi pengunjung yang hendak datang berkunjung ke *‘Mohicanz Exotic’*.

“Saya tidak pernah meletakkan sebarang caj masuk dan lebih suka pengunjung datang dan berhibur dengan haiwan yang mereka gemari.

“Antara haiwan yang terdapat di sini termasuk ular sawa batik; burung Macau; landak raya; kura-kura *African Sulcata*; rakun; sigung; kambing *African Pygmy*; badak; keldai; burung merak; burung unta dan rusa.

“Selain itu, saya turut menyediakan perkhidmatan sewa basikal bagi pengunjung yang ingin bersiar-siar di Balik Pulau yang dipenuhi keindahan alam semula jadi menambahkan lagi suasana asli di perkampungan.

“Di samping itu, pihak kami turut berkongsi cara penjagaan, pemakanan, pengetahuan asas mengenai jantina, perkhidmatan veterinar dan sebagainya terhadap pengunjung.

“Dek era pendigitalan kini, pihak kami turut memberi pendedahan melalui platform media sosial seperti *Facebook*, *YouTube* dan *TikTok ‘Mohicanz Exotic’*,” ulasnya lanjut.

## Cabaran dan harapan

Bagi Abe, rezeki yang diperolehnya mengajar dirinya untuk tidak henti berusaha dan memperbaiki apa yang terkurang, kerana tidak lengkap perjalanan hobinya tanpa sebarang rintangan.

“Saya percaya rezeki itu ada di mana-mana, oleh itu diharapkan perjalanan hobi kecil-kecilan ini berjaya dikembangkan lagi pada masa hadapan serta mencapai hasrat saya untuk merancakkan sektor pelancongan negeri.

“Cabaran yang dilalui yang melibatkan rungutan sesetengah penduduk setempat yang tidak senang dengan suasana haiwan akan saya atasi secara baik dan perbaiki dari semasa ke semasa.

“Jika diberikan rezeki, sudah tentu saya akan sediakan tempat parkir yang lebih luas dan bersesuaian untuk pengunjung yang datang kelak,” katanya menutup bicara.









SEBAHAGIAN haiwan eksotik yang terdapat di *‘Mohicanz Exotic’*.

# Entopia hasil berasaskan



**HASIL tuaian yang dipungut kemudiannya melalui beberapa proses sebelum digunakan.**



Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**DIKENALI** sebagai Tempat Perlindungan Rama-Rama & Serangga Hidup Tropika Pertama di Dunia, Entopia (dahulu dikenali sebagai Taman Rama-Rama Pulau Pinang) merupakan salah satu destinasi pelancongan yang menawarkan pengalaman unik dan menyeronokkan untuk semua peringkat usia terutama penggemar alam semula jadi dan serangga.

Terletak di Teluk Bahang, Entopia juga adalah pusat entomologi (kajian serangga) dan invertebrata (himpunan haiwan tanpa tulang belakang) yang mana terdapat lebih 15,000 jenis rama-rama, sibur-sibur (juga dikenali sebagai pepatung) dan serangga daripada kira-kira 100 spesies.

Selaras dengan kemajuan teknologi, Entopia juga mengorak langkah dengan menceburi lapangan baharu iaitu penghasilan baja dan makanan berasaskan serangga. Meskipun lapangan tersebut masih 'setahun jagung' di negara ini, namun apabila melihat potensi dalam penghasilan makanan secara mampan pada masa hadapan, maka cabaran disahut sebaiknya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Entopia, **JOSEPH GOH KAH LEONG** dalam temu bual di pejabatnya baru-baru, beliau berkongsi kisah menarik dengan Buletin Mutiara mengenai usaha yang dilakukan oleh Entopia dalam meningkatkan daya tahan dan kemapanan dunia serangga.

Ketika dunia berdepan dengan pandemik COVID-19, kata Kah Leong, Entopia turut terjejas kerana teras utama Entopia adalah pelancongan.

"Maka timbul persoalan, sebagai pembiak baka pelbagai jenis rama-rama dan serangga apakah yang perlu dilakukan ketika berdepan situasi tersebut (pandemik)?

"Sebelum ini, pihak kami mengeksport pelbagai baka serangga ke luar negara tetapi semua klien kami juga dalam situasi sama, bidang yang sama iaitu pelancongan.

"Hanya kira-kira 20 hingga 30 peratus sahaja yang masih beroperasi ketika seluruh dunia 'tutup', jadi apakah yang perlu dilakukan untuk meneruskan proses pembiakan dan pada masa sama, menghasilkan makanan untuk serangga di sini," ujarnya memulakan bicara.

### *'Black Soldier Fly'* sebagai medium utama

Bermula dengan hanya beberapa spesies serangga, seperti cengkerik, belalang, lipas Turkestan, *'Mealworm'* (sejenis kumbang dalam bentuk larva) dan *'Black Soldier Fly'* (sejenis lalat), Kah Leong memberitahu bahawa setiap satu jenis serangga ini digunakan untuk tujuan yang berbeza.

"Namun, selepas siri mesyuarat akhirnya kami memilih *'Black Soldier Fly'* (BSF) sebagai medium utama selain meneruskan pembiakan serangga seperti cengkerik, belalang, *'Mealworm'* dan *'King Worm'* untuk dijadikan makanan kepada serangga lain.

"Menariknya, spesies BSF mempunyai kitaran hidup yang singkat iaitu sekitar 40 hingga 45 hari dan dalam masa dua minggu sahaja kami boleh memulakan proses menuai," katanya yang kemudiannya merencanakan perancangan bersama-sama pasukan beliau untuk menghasilkan baja serangga daripada 'fras', iaitu najis larva dalam bentuk pepejal yang berfungsi sama seperti baja tumbuhan atau baja organik lain.

Difahamkan, kini mereka berupaya menuai sehingga 500 kilogram (kg) bahan terbuang dalam bentuk fras, sehari, yang mana setelah diproses ia menjadi sumber protein alternatif makanan ternakan terutama daripada kumpulan haiwan reptilia.

"Bukan hanya haiwan reptilia, tetapi juga ikan dan beberapa jenis burung seperti ayam kampung misalnya, yang mana ayam-ayam ini diberikan makan lalat hidup.

"Tetapi apabila BSF yang dituai ini diproses, ia boleh menghasilkan sejenis minyak BSF ataupun menjadi serbuk halus untuk pelbagai kegunaan dalam makanan ternakan," jelasnya.

### Sumber nutrien protein alternatif

Menurut Kah Leong, mungkin umum tidak mengetahui bahawa menternak lalat jenis BSF ini berpotensi menjadi sumber protein dan nutrisi alternatif untuk industri ternakan negara pada masa hadapan.

"Maklum balas yang diterima daripada penternak ayam dan babi, makanan ternakan import yang digunakan sebelum ini bukan sahaja kurang nutrien malah juga menjadikan haiwan ternakan kurang sihat.

"Sebaliknya, apabila mereka mula memberi makan kepada ternakan daripada hasil organik dan serangga ini, haiwan ternakan lebih imun terhadap penyakit.

"(Dan) walaupun baru, penghasilan makanan ternakan berasaskan serangga ini dilihat berpotensi untuk diperluaskan dan berkembang, pada masa yang sama, memperbanyak penyelidikan tentang sumber protein baharu itu," ujarnya.

Pada Jun 2013, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui jaringannya, Program Pembangunan PBB (UNDP) mengeluarkan laporan bertajuk *'Hail the Black Soldier Fly: Turning Waste to Animal Feed'*, sekali gus membuktikan bahawa BSF merupakan antara sumber protein alternatif terbaik untuk haiwan ternakan.

Bukan itu sahaja, kongsi Kah Leong lagi, serbuk dan minyak yang dihasilkan melalui proses pengekstrakan juga boleh digunakan secara meluas dalam bidang lain termasuk kosmetik, farmaseutikal, pengurusan sisa, bahan cuci dan lain-lain lagi.

### Dari fras jadi baja organik

Kah Leong menyatakan bahawa pada peringkat permulaan, pihaknya mencuba bahan buangan tersebut untuk menyuburkan tanah.

# baja, makanan ternakan serangga



LALAT dewasa dari spesies *'Black Soldier Fly'*.



LARVA *'Black Soldier Fly'* boleh menjadi sumber alternatif bagi makanan ternakan beburung dan ikan.




ANTARA produk berasaskan serangga yang telah dihasilkan hasil inovasi pasukan di Entopia

"Kemudian, kami mengadunkan pula fras menjadi produk organik iaitu baja.

"Kini kami cuba menambah variasi kandungan baja organik ini dengan menambah beberapa elemen lain untuk digunakan bagi tujuan penghasilan bunga dan buah serta lain-lain kegunaan.

"Buat masa ini, kami hanya menumpukan pembiakan, penghasilan baja organik dan juga makanan alternatif ternakan ," ulasnya lanjut.

Ditanya mengenai harga jualan produk alternatif terbabit, Kah Leong memberitahu bahawa harga jualan adalah di bawah RM10 bagi setiap bag.

### Kerjasama pemain industri

Selain menghasilkan sendiri makanan untuk serangga, Entopia juga bekerjasama dengan pihak hotel di Pulau Pinang dalam pengumpulan sisa buangan organik.

"Pulau Pinang mempunyai banyak hotel dan ada antaranya yang mengguna pakai elemen berasaskan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau ESG.

"Jadi ada hotel yang sangat teruja dengan jalinan kerjasama ini, yang mana pihak kami akan mengumpulkan sisa buangan organik dari dapur hotel untuk diproses sebagai makanan ternakan larva di Entopia.

"Kebanyakan sisa buangan organik ini akan diperam sebelum diproses yang akhirnya memenuhi keperluan kami di sini," katanya yang secara tidak langsung bersetuju bahawa langkah proaktif itu mampu mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan sampah.

Kah Leong juga berkongsi bahawa rakan perniagaan utama Entopia turut mencadangkan supaya pihaknya memohon perolehan sijil di bawah program Verra iaitu *Verified Carbon Standard* (VCS), piawaian pengkreditan gas rumah hijau (karbon) untuk memperluas jaringan kerjasama antara Entopia dan juga pemain industri di negeri ini termasuk kilang-kilang.

### Perancangan masa depan

Walaupun produk yang dihasilkan masih belum dipasarkan, tetapi Kah Leong berharap perancangan Entopia untuk memasarkan produk yang dihasilkan pada masa hadapan tercapai.

"Buat masa ini, kami masih menunggu produk terbaru menggunakan formula baharu dan apabila siap kelak, kami akan mula pasarkan.

"Proses yang dilalui untuk merealisasikannya amat panjang tetapi sangat bermanfaat, bermula dengan perancangan kemudian penyelidikan dan pembangunan, percubaan dan akhirnya menilai hasil.

"(Dan) ini memberi kelebihan kepada Entopia yang mana kami tidak hanya bergantung terhadap industri pelancongan dan pembiakan serangga semata-mata, sebaliknya mempunyai pelan sandaran ini (penghasilan baja dan makanan ternakan berasaskan serangga)," jelasnya.

Tambah beliau, kini, pihaknya sedang merancang untuk menubuhkan satu unit baru hanya untuk penghasilan produk berasaskan serangga seterusnya memasarkan produk-produk tersebut.

"Pastinya kami memerlukan pelaburan yang besar untuk merealisasikannya suatu hari nanti," katanya yang optimis dengan perkembangan semasa dan hala tuju Entopia kini.



